

MALAS

oleh Zulikmal

"...Takpe la kawan, aku tak *loaded* macam kau.....Pakai dulu bayar kemudian!" Iklan popular itu berkumandang di radio.

"Tutup la radio tu! Memekak ah....," teriak Encik Faris. Dia lalu bangun dari tilamnya yang terletak di lantai bilik tamu rumah sewa satu bilik itu. Dia bergegas ke dapur lalu mencapai rokok gulungnya di atas meja. Anak sulungnya, Azman bergegas keluar dari bilik dan mematikan radio kecil yang terletak di atas televisyen 21-inci di bilik tamu. Azman kemudian menuju ke arah pintu dan mencari seliparnya.

"Nak pergi mana tu?" tanya Encik Faris, malas.

"Jumpa Ashraf kat bawah. Main bola," jawab Azman sambil memakai selipar 'Havaianas' tiruannya yang terceruk dibalik rak-rak kasut.

"Kau kan *exam* minggu depan! Pergi belajarlah!" teriak Encik Faris, tanpa memandang ke arah Azman.

"Ala...sekejap je la. Sebelum maghrib, Man balik. Belajar banyak-banyak pun last-last jadi teknisyen jugak," jawab Azman selamba. Pelajar Darjah 6 EM3 itu lalu terus berlari keluar dari rumah L tersebut. Encik Faris menggeleng kepala. Ternyata dia sedang rusing tentang sesuatu. Dia memikirkan tentang keadaan dirinya, dan sekaligus keadaan keluarganya sendiri. Dia melihat keliling rumah sewanya yang disewa mahal secara haram sebanyak \$500 sebulan. Sampai sekarang, setelah 18 bulan menunggu, permohonannya untuk menyewa secara rasmi dari HDB tidak dilayan. Alasannya tetap sama, bahawa dia telah menjual rumahnya sebanyak 3 kali.

Yang merumitkan lagi ialah keadaannya yang sudah dua bulan tidak bekerja. Sudah berkali-kali dia ke CDC untuk 'job matching' tetapi tidak ada kerja yang sesuai baginya. Dia asyik ditawarkan kerja sebagai pegawai CISCO atau pun 'cleaner'. Memang keadaannya terdesak, dan dia tidak boleh memilih. Namun, kerana umurnya yang sudah menjangkau 46 tahun, dia tidak larat membuat kerja-kerja yang ditawarkannya itu. Tambahan pula dia ada 'gout'. Gaji yang boleh diraih pula tidak cukup untuk membiayai ongkos keluarganya.

Anaknya dua, dan yang kecil baru berusia 4 tahun. Isterinya pula tidak dapat bekerja demi menjaga anak kecilnya. 'Retraining' pula tidak dapat

menyuap nasi ke mulut ahli keluarganya. Encik Faris juga dibebankan oleh 'maintenance charges' dua orang anak dari isteri pertamanya. Bukan setakat membayar jumlah sara hidup itu menjadi masalah, Encik Faris juga harus sering naik turun Mahkamah Keluarga untuk menghadapi aduan bekas isterinya. Perkara inilah yang selalu menjadi penghadang Encik Faris untuk bekerja dengan tenteram dan sempurna. Kerana selalu 'menghilang' untuk ke mahkamah, Encik Faris telah diberhentikan dari dua pekerjaan sebelumnya. Hari esoknya, dia harus ke mahkamah lagi.

"Bang, jadi pergi FSC hari ni?" Encik Faris dikejutkan dari lamunan oleh isterinya yang sedang menggendong anak bongsunya. Encik Faris mengangkat bahu dan terus berdiam.

"Ala, cuba je lah lagi, Bang. Kita betul-betul kering. Abeh kita nak makan apa nanti...kerja, abang tak dapat-dapat lagi. Dah la...walaupun abang tak suka cara diorang korek-korek cerita dari kita, diam-diam sudah...janji dapat 'food coupon' tu sudah," pujuk Cik Salimah.

Encik Faris berdiam sahaja. Masih jelas dalam ingatannya betapa sukar untuk dia menjelaskan kepada pegawai FSC itu bahawa gajinya ketika dia bekerja sebagai juru elektrik dulu, iaitu \$1500 sebulan, tidak mencukupi baginya sekeluarga. Walau zahirnya jumlah itu nampak banyak, tetapi selepas membayar wang 'maintenance' anak-anaknya dari isteri pertama, memang jelas wangnya tidak mencukupi. Faktor ini tidak pula diterima oleh pihak FSC. Sudahlah begitu, Encik Faris juga berasa malu setiap kali di'interogasi' pihak FSC tentang keadaan kewangan keluarganya, membuatnya berasa seolah-olah diperkecilkan.

Encik Faris bangun lalu menyalin pakaiannya. Dia kemudian keluar dari rumahnya dan menuju ke FSC terdekat rumahnya. Sepanjang jalan dia hanya mampu memandang ke bawah

"Faris! Tengah *steam* ke per!" teriak Amir, jiran sebelah rumahnya, dari tempat meletak kereta. Amir berjalan menuju kepadanya dan mereka bersalaman.

"Muka sedih jer? Kau nak pergi mana ni?" tanya Amir lagi.

"Aku nak pergi ni la... pergi FSC depan sekejap. Tanya pasal kerja," jawab Encik Faris.

"Kau belum kerja lagi? Kau malas eh !?"